

Tarbiyah Pengasas Siri 49

14 Februari 2023

NIAT ASAS PERJUANGAN & PENGURUSAN KESIBUKAN

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Shahir Akram Hassan

Soalan 1

ISDEV dibina atas perjuangan. Atas kapasiti masing-masing, pensyarah, staf atau pelajar, ada tugas dan job scope masing-masing. Misalnya pensyarah kena isi lima bakul. Staf ada Job Description masing-masing. Pelajar kena siapkan disertasi/tesis, bentang seminar, hadir program-program ISDEV, hasilkan artikel jurnal untuk syarat berijazah. Bagaimanakah kita nak jadikan semua yang kita buat ini diniatkan untuk asas perjuangan?

Jawapan

1. Secara mudah, soalan ini boleh dijawab dengan berkata kesemua yang dilakukan oleh pensyarah, staf dan pelajar tersebut kena sentiasa diniatkan sebagai asas perjuangan.
2. Tetapi persoalannya:
 - i. Perjuangan apa?
 - ii. Kenapa kena berjuang?
 - iii. Bagaimana niat perjuangan tersebut boleh sentiasa terlekat di hati?
3. Jawapan kepada soalan ini perlu dilandasi dengan kefahaman dan keselarasan tentang apa yang hendak

diperjuangkan tersebut, dan kenapa perlu berjuang untuk itu.

Perjuangan ISDEV

4. Secara umum, ISDEV mahu berjuang memuliakan Allah dan memuliakan Rasul dalam semua aspek kehidupan manusia, sehingga Islam tertegak di atas muka bumi ini, dan kita semua mendapat redha Allah, Insyaa-Allah. Inilah perjuangan asas ISDEV.
5. Secara khusus, ISDEV berjuang untuk:
 - i. Perkenalkan keilmuan Islam, terutamanya dalam bidang pembangunan berteraskan Islam sebagai gantian kepada keilmuan pembangunan konvensional yang mendominasi dunia intelektual kontemporari.
 - ii. Menyelamatkan pensyarah dan pelajar daripada ilmu konvensional ini dengan kembali merujuk dan beramal dengan ilmu Islam (Tauhid, Fiqh dan Tasawuf) serta menegakkan Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah, sehingga Hablumminallah dan Habum-minannas dapat didirikan sekukuhnya.
 - iii. Membuktikan secara hands-on dan praktikal tentang indahnya ilmu Islam apabila direalisasikan.

Kenapa kena perjuangkan ini semua?

6. Perjuangan menegakkan Islam adalah kewajipan yang telah Allah letakkan ke atas setiap orang Islam. Allah minta kita tegakkan amal ma'ruf dan halang nahi mungkar. Ini adalah sebahagian misi kita sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Ini fungsi kita sebagai manusia Islam.
7. Kita kena penuhi tuntutan Allah ini dengan setiap kapasiti dan peluang yang kita ada.

8. Kapasiti dan peluang khusus yang telah Allah kurniakan kepada kita ialah tugas dan job scope/description pensyarah, staf dan pelajar yang disebutkan di atas.
9. Kita yang sedar tentang perkara ini akan melaksanakan tugas dan job scope/description dengan redho, malah melaksanakannya dengan rasa gembira dan bahagia.

Tetapi bagaimana niat perjuangan ini sentiasa boleh terlekat di hati?

- i. Kena sentiasa tanam kesedaran bahawa tugas dan job scope/description itu sebenarnya adalah *kurniaan* Allah SWT.
- ii. Kena sentiasa sedar bahawa kurniaan tugas dan job scope/description itu adalah *peluang* yang Allah kurniakan untuk kita mendapat pahala. Makin banyak tugas dan job scope/description, makin banyak peluang mendapat pahala. Hanya kita yang perlu berpada-pada melaksanakannya, mengikut kemampuan kita.
- iii. Kena sentiasa sedar bahawa melaksanakan tugas dan job scope/description itu merupakan usaha melaksanakan suruhan Allah SWT.
- iv. Kena sentiasa sedar bahawa *hasil mutlak/haqiqi* tugas dan job scope/description kita ini bukan di dunia, tetapi di akhirat. Akhirat adalah alam kekal abadi. Tugas dan job scope/description itu merupakan sebahagian daripada *penentu* bagaimana kehidupan kita di akhirat, bahagia atau derita.

Soalan 2

Pernah saya dengar satu ketika, Prof ada sebut, “jangan sekali-kali kata saya sibuk”. Lanjutan daripada soalan pertama tadi, selain dari tugas-tugas wajib, kebiasaannya kita juga akan dapat tugas daripada universiti, jemputan pihak luar (dalam dan luar negara), tugas-tugas ad-hoc untuk ISDEV.

Bagaimanakah seharusnya warga ISDEV mendepani tugas-tugas ini.

Jawapan

1. Soalan ini adalah berkaitan dengan pengurusan kesibukan.
2. Benar, saya melarang kita menyebut perkataan sibuk kerana takut kepada perkara-perkara berikut:
 - i. Takut kita jadi benar-benar sibuk (Nas: Allah kurniakan mengikut apa yang kita fikir, kata dan sangka)
 - ii. Takut kita jatuh ke dalam kategori yang Allah sibukkan dengan kesibukan dunia (Nas: tanda Allah tidak redho)
 - iii. Takut kita memperkecilkan kurniaan Allah SWT
 - iv. Takut kita tidak menghargai peluang untuk mendapat pahala
 - v. Takut kita menolak alat dalam melaksanakan tuntutan Allah untuk berjuang
 - vi. Takut kita menafikan kebolehan, kelebihan dan kapasiti yang Allah kurniakan kepada kita
 - vii. Takut kita berburuk sangka dengan Allah dan mereka yang memberi tugas dan job scope/description kepada kita
 - viii. Takut waktu yang sepatutnya kita gunakan untuk Islam tidak mendatangkan apa-apa hasil yang kita hasratkan

3. Kerja kita memang banyak, tetapi jangan sesekali kita katakan kita sibuk.
4. Yang perlu dilakukan ialah mengurus kesibukan itu dengan sebaiknya.
5. Antara cara mengurus (mendepani) kesibukan tersebut adalah seperti berikut:
 - i. Sentiasa ingat bahawa Allah bantu orang yang membantu Allah (dalam kes kita, memuliakan Allah dan Rasul melalui tugas dan job scope/description kita).
 - ii. Sentiasa sedar bahawa setiap saat kena digunakan untuk taat kepada Allah dan mencapai misi Allah SWT.
 - iii. Setiap waktu ketika hendak menjalankan apa-apa tugas, ambil masa untuk berzikir, berdoa dan memohon kepada Allah agar Allah bantu dalam kita menjalankan tugas dan job scope/description kita.
 - iv. Sentiasa berhubung dengan Allah melalui solat, zikir, baca al-Qur'an, muhasabah, meditasi, dan sebagainya (perkuatkan Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan).
 - v. Sentiasa bersyukur kepada Allah SWT atas apa jua kebolehan dan peluang untuk berbakti kepada-Nya, dan apa jua barakah dikurniakan-Nya.
 - vi. Sentiasa mencari jalan sama ada melalui Hablum-minallah atau Hablum-minanas untuk dijadikan asbab mendapat kasih sayang dan cinta Allah SWT.
 - vii. Susun keutamaan (*prioritize*) mengikut tugas yang mustahak dan perlu diselesaikan segera (*urgent*) agar tugas dan job scope/description itu dapat dilaksanakan secara sistematik.
 - viii. Jaga diri – fizikal, spiritual dan emosi.
 - ix. Berehat secara *regular* (misalnya tidor sebelum atau selepas zohor).

6. Dengan melakukan perkara-perkara di atas, kita akan merasa tenang dan bahagia, tidak tertekan dan tidak berat, walaupun kita sibuk dengan tugas dan job scope/description kita, Insya-Allah.